Headline	220 unit Pangsapuri Mutiara Sungai Jelok kena rampas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	245 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,336

SIDANG DUN SELANGOR

220 unit Pangsapuri Mutiara Sungai Jelok kena rampas

Penghuni dakwa lunas bayaran cukai tanah kepada JMB

Laporan Khairul Azran Hussin
khaiazr@bh.com.my

Shah Alam

Sebanyak 220 keluarga yang mendiami Pangsapuri Mutiara di Sungai Jelok, Semenyih terpaksa 'berputih mata' selepas kediaman masing-masing dirampas kerana didakwa tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah.

Perkara itu dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz, selepas menerima aduan penduduk yang kecewa terhadap keengganan kerajaan negeri berunding berhubung isu itu.

Tak ambil isu sebenar

"Notis rampasan dikeluarkan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 2014. Tindakan rampasan dianggap zalim kerana tidak mengambil kira isu sebenar yang berlaku di sebalik tunggakan cukai tanah.

"Berdasarkan aduan, isu ini berlaku disebabkan kelemahan pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri ini.

"Kita dapati mereka membuat bayaran cukai tanah kepada JMB. Bagaimanapun, JMB tidak menjelaskannya bayaran ini kepada pejabat tanah," katanya pada sidang media di Lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Johan berkata, Kerajaan Selangor digesa campur tangan dalam isu itu kerana ia membabitkan kehidupan rakyat bawahan.

"Kerajaan negeri sepatutnya mencari mekanisme yang tidak menyulitkan hidup rakyat, selain mengambil tindakan kepada JMB terbabit.

"Mangsa dalam isu ini bukannya orang kaya. Mereka mengerah keringat mengumpul duit untuk membeli membeli kediaman mereka sekitar harga RM20,000 hingga RM60,000," katanya

Powered by: isentia

Headline	Bajet Selangor 2018 dianggap `lunak tapi mengkhayalkan'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,510

Bajet Selangor 2018 dianggap 'lunak tapi mengkhayalkan'

Kuala Lumpur: Bajet Selangor 2018 dibentangkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, disifatkan sebagai 'lunak didengar tetapi mengkhayalkan'.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan, menyifatkan bajet itu tiada sebarang nilai tambah terhadap pembangunan ekonomi rakyat, melainkan lebih kepada 'bajet aiskrim' sebagai persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Saya meneliti dengan penuh minat dan cermat Bajet Selangor 2018, namun tiada istimewanya dalam bajet yang disifatkan Azmin sebagai 'terbaik' dalam Malaysia itu.

Sekadar tambahan sebulan gaji

"Pengumuman bonus tiga bulan gaji kononnya paling tinggi di negara ini, tetapi sebenarnya sekadar tambahan sebulan gaji.

"Ia seolah-olah cuba menyaingi bonus diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebanyak RM1500 yang akan mula diagihkan awal tahun depan dan pada sambutan Aidilfitri nanti," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Sohaimi turut menyifatkan Bajet Selangor 2018 sebagai 'bajet penipu' kerana terlalu banyak janji manis ditabur kepada rakyat, berbanding rancangan pembangunan ekonomi sistematik.

Katanya, Azmin turut berbohong mengenai isu pemansuhan tunggakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan kos baik pulih penempatan rumah kos rendah.

"Beliau mesti jelaskan PPR yang mana? Kalau PPR Lembah Subang 1, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, sudah maklumkan bahawa kerajaan terpaksa membayar RM60 juta bagi mengambil alih PPR itu, termasuk kos tunggakan sewa.

"Begitu juga soal kos bagi membaik pulih kediaman kos rendah yang jelas membuktikan Azmin baru 'bangkit dari tidur' kerana Noh sudah menjelajah seluruh Selangor, menyalurkan peruntukan membaikpulih rumah kos rendah," katanya.

KPKT salur RM10 juta kos baik pulih

Sohaimi turut melontarkan persoalan mengenai kemungkinan isu dibangkitkan dalam Bajet Selangor 2018 itu, menarik minat Azmin berikutan PRU14 sudah semakin hampir atau kerana KPKT sudah pun menyalur peruntukan RM10 juta untuk baik rumah kos rendah di Selangor.

"Rakyat Selangor perlu bijak menilai dengan mata hati, bukannya terpesona dengan penipuan yang hanya sekadar lunak didengar itu," katanya.

> Tiada istimewanya dalam bajet yang disifatkan Azmin sebagai 'terbaik' dalam Malaysia itu"
>
> ***Sohaimi Shahadan,***
> *Ahli Majlis Tertinggi UMNO*

Powered by: isentia

Headline	`Henti jemput Dr M dalam program di Selangor'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,505

'Henti jemput Dr M dalam program di Selangor'

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

***Abdul Shukur (tiga dari kiri) bersama ADUN BN** pada sidang media di Dewan Negeri Selangor, semalam.*

Shah Alam: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) menggesa Kerajaan Selangor berhenti menjemput Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sebarang program rasmi anjuran negeri atau parti di negeri ini.

Ia susulan kenyataan dikeluarkan Dewan Diraja Selangor baru-baru ini, bahawa Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah murka terhadap ucapan Dr Mahathir yang melabel masyarakat Bugis sebagai lanun.

ADUN Kuang, Datuk Abdul Shukur Idrus, berkata kerajaan negeri sepatutnya senada dengan Istana Selangor berhubung isu berkenaan, bukannya bersikap tidak acuh terhadap tindakan bekas Perdana Menteri itu.

Perlu senada istana

"Dewan Diraja memaklumkan Sultan Selangor menganggap ucapan terbabit amat keterlaluan hingga boleh mencetuskan kekecohan dan huru-hara. Sepatutnya kerajaan negeri mengambil kira perkara ini.

"Ada keperluan menghalang atau berhenti menjemput Dr Mahathir untuk hadir dalam program, majlis atau apa sahaja aktiviti di Selangor," katanya pada sidang media di lobi DUN Selangor di sini, semalam.

Yang turut hadir, ADUN Batang Kali, Datuk Mat Nadzari Mat Dahlan; ADUN Permatang, Datuk Sulaiman Abdul Razak; ADUN Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz; ADUN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif dan ADUN Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan.

Dalam pada itu, Abdul Shukur turut kecewa dengan tindakan Speaker DUN Selangor, Hannah Yeoh yang menolak usul tergempar dikemukakannya berhubung kenyataan Dr Mahathir itu, dengan alasan ia bukan perkara yang perlu disegerakan.

"Apabila usul berkepentingan orang ramai ditolak, ini membuktikan bahawa demokrasi dalam DUN Selangor di bawah Pakatan Harapan sudah mati," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata semua ADUN BN akan menghantar memorandum kepada Istana Selangor esok, untuk menzahirkan sokongan kepada baginda serta berdiri teguh mempertahankan institusi raja.

Menerusi kenyataan dikeluarkan Dewan Diraja Selangor pada 3 November lalu, Sultan Sharafuddin Idris Shah murka dan kecewa dengan ucapan Dr Mahathir pada perhimpunan di Petaling Jaya, 14 Oktober lalu.

Berbau menghasut

Menerusi kenyataan itu, baginda menyifatkan petikan ucapan berkenaan cuba menghasut rakyat untuk membenci, menghina dan memandang serong terhadap keturunan Bugis.

Kenyataan ditandatangani Setiausaha dewan itu, Hanafisah Jais, memaklumkan Sultan Selangor yang berbincang dengan ahli Dewan, menganggap ucapan terbabit amat keterlaluan hingga boleh mencetuskan kekecohan dan huru-hara.

Justeru, Majlis Dewan Diraja Selangor berpandangan satu siasatan dan tindakan undang-undang mengikut Akta Hasutan 1948 atau mana-mana undang-undang berkaitan wajar diambil terhadap Dr Mahathir.

Sementara itu, diminta mengulas gesaan berhenti menjemput Dr Mahathir daripada menyertai program rasmi negeri dan aktiviti parti, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu boleh diselesaikan cara baik tanpa melalui media.

"Saya ulangi ketegasan tidak perlu melalui media, ia boleh diselesai cara baik," katanya.

Mengenai tindakan ADUN BN Selangor yang akan menghantar memorandum ke Istana Bukit Kayangan esok, beliau berkata, mana-mana pihak bebas untuk berbuat demikian selaras dengan amalan demokrasi.

Powered by: isentia

Headline	Selangon Pertandingan 3 penjuru satu peluang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	281 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,554
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,661

Selangor: Pertandingan 3 penjuru satu peluang

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

ANALISIS

DUA bulan telah berlalu sejak bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Mohd. Taib kembali semula ke pangkuan UMNO.

Dalam tempoh tersebut macam-macam diperkatakan mengenai langkah Muhammad yang sebelum itu memilih untuk bersama Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) sebelum membuat keputusan menyertai PKR tidak lama selepas itu.

Ada yang menyambut dengan tangan terbuka dan ada pula yang menyindir terutama dalam kalangan parti pembangkang.

Muhammad dengan jelas menegaskan keputusan kembali ke pangkuan parti yang telah melonjakkan karier politiknya itu setelah melihat sendiri 'warna sebenar' pembangkang khususnya PKR serta parti-parti di dalam Pakatan Harapan diketuai DAP.

Beliau juga berkali-kali menafikan keputusan kembali kepada UMNO kerana mengejar jawatan, sebaliknya bertekad mahu membantu parti keramat itu merampas semula Selangor.

Dalam tempoh dua bulan ini, banyak yang telah difikirkan Muhammad, terutamanya percaturan menjelang PRU-14 yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Berbekalkan pengalaman luas dalam politik Selangor, di samping pernah bersama-sama dengan kepemimpinan di pihak pembangkang, Muhammad yakin kehadirannya bakal melonjakkan peluang UMNO dan Barisan Nasional (BN) merampas negeri itu daripada PKR.

Bercakap pada majlis menyambut kepulangannya di Damansara semalam, Muhammad tanpa berselindung menyatakan pertandingan tiga penjuru merupakan pilihan terbaik UMNO untuk kembali mentadbir Selangor.

MUHAMMAD MOHD. TAIB

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, perkara itu bergantung kepada kawasan dan kepemimpinan parti perlu membuat analisis secara terperinci mengikut DUN.

"Berapa kawasan Melayu boleh bagi (undi), berapa kawasan bukan Melayu boleh bagi. Kena *head count* kawasan-kawasan ini, baik dua penjuru atau tiga penjuru.

"Kalau nak menang saya harapkan pertandingan tiga penjuru. Kalau tiga penjuru Menteri Besar akan datang dari UMNO," jelas beliau.

"Berapa kawasan Melayu boleh bagi (undi), berapa kawasan bukan Melayu boleh bagi. Kena 'head count' kawasan-kawasan ini, baik dua penjuru atau tiga penjuru. Kalau nak menang saya harapkan pertandingan tiga penjuru. Kalau tiga penjuru Menteri Besar akan datang dari UMNO."

MUHAMMAD MOHD. TAIB
Bekas Menteri Besar Selangor

Powered by: isentia

Headline	Bajet Selangor bak `tin kosong`		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	549 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,851
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,552

CATATAN
ZEIN ISMA

NOH OMAR (tengah) beramah mesra bersama pemilik rumah PPR Lembah Subang 2 selepas menyerahkan kunci kediaman mereka di Petaling Jaya, Selangor pada 10 Oktober lalu. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Bajet Selangor bak 'tin kosong'

KETIKA Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober lalu, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan terus membuat rumusan ia adalah bajet 'gula-gula' atau bajet untuk menghadapi pilihan raya.

Bajet 2018 yang dilihat cukup komprehensif dan mendapat sambutan hangat rakyat ternyata meresahkan pemimpin-pemimpin pakatan itu termasuk Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Selain itu, Azmin tanpa segan silu menganggap Bajet 2018 oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) sedikit sebanyak meniru bajet kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan PKR Selangor. Berikutan itu ramai ternanti-nanti apakah Azmin akan membentangkan bajet untuk negeri Selangor jauh lebih baik daripada bajet Perdana Menteri.

Tetapi ternyata, apabila bajet tersebut dibentangkan oleh Azmin, ia jelas tidak mempunyai apa-apa keistimewaan sebaliknya hanya menampakkan kekalutan kerajaan negeri yang diperintah oleh PKR, DAP dan Pas untuk menentukan hala tuju Selangor seterusnya.

Apa yang mengejutkan, ketika pemimpin-pemimpin pembangkang mengkritik Bajet 2018 Kerajaan Pusat berkaitan defisit, defisit perbelanjaan Kerajaan PKR Selangor jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 26 peratus daripada RM3.12 bilion iaitu jumlah keseluruhan pendapatan negeri.

Pada masa sama, penulis menganggap Azmin cuba mengelirukan rakyat khususnya penjawat awam Selangor apabila mengumumkan pemberian bonus sebanyak tiga bulan, sedangkan faktanya ia hanya tambahan sebulan bonus sahaja.

Mungkin Azmin berbuat demikian kerana berasa 'terpukul' dengan pelbagai pengumuman bantuan khas dan insentif oleh Kerajaan Pusat dalam Bajet 2018. Oleh itu, untuk menampakkan kononnya Kerajaan PKR Selangor tidak kurang hebatnya, maka pengumuman seumpama itu dibuat.

Penulis juga melihat Azmin semakin tertekan berikutan keprihatinan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dalam menangani isu Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor.

Walaupun Noh melakukan tugasnya sebagai menteri dan membela nasib penduduk PPR atas dasar tanggungjawab, namun Azmin melihat dari sudut politik."

Oleh itu, untuk menutup kegagalan menangani isu berkenaan, Azmin mengumumkan pemansuhan tunggakan sewa bagi PPR. Tetapi apa yang menjadi persoalan ramai, PPR mana yang dimaksudkan oleh Azmin? Kenapakah baru sekarang beliau sebagai Menteri Besar mahu memperkatakan soal tersebut? Apakah dalam bajet sebelum-sebelum ini soal PPR mendapat perhatian Azmin?

Sebab itulah penulis percaya, Azmin sebenarnya semakin tertekan dan kelam kabut dengan kegigihan serta keprihatinan Noh yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor yang dilihat berjaya menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan PPR.

Apa yang lebih meresahkan Azmin ialah penduduk-penduduk PPR semakin menghargai apa yang dilakukan oleh Noh dan melihat Kerajaan PKR Selangor gagal membantu mereka. Walaupun Noh melakukan tugasnya sebagai menteri dan membela nasib penduduk PPR atas dasar tanggungjawab, namun Azmin melihat dari sudut politik. Atas sebab itulah, Azmin dan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri Selangor mempolitikkan apa yang Noh lakukan.

Bagaimanapun, penulis percaya rakyat Selangor khususnya penduduk-penduduk PPR tidak akan mudah terpedaya dengan sandiwara politik oleh Azmin ketika membentangkan bajet negeri Selangor. Apatah lagi kalau diteliti bajet tersebut ia sama sekali tidak boleh menyaingi kehebatan Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri khususnya dalam memastikan tiada kelompok masyarakat yang terpinggir.

Ketika Azmin sering menguar-uarkan Selangor melaksanakan kepemimpinan berteraskan negeri berkebajikan, namun dalam bajet yang beliau ketengahkan, perkara itu masih boleh dipersoalkan. Ia memandangkan dalam bajet berkenaan tidak ternampak sebarang tanda-tanda atau pendekatan yang mahu dilaksanakan oleh Kerajaan PKR Selangor untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Kalau benarlah kerajaan PKR Selangor prihatin dan merasakan mereka lebih baik dari segi membantu rakyat dari sudut tersebut kenapakah tidak ada satu pun pengumuman yang menjurus ke arah tersebut? Kenapakah hanya mengulangi skrip lama berhubung program-program yang sudah dilaksanakan sebelum ini tetapi hasilnya boleh dipersoalkan?

Ternyata sekali, bajet negeri Selangor yang dibentangkan oleh Azmin penuh dengan persoalan dan tidak memberi apa-apa manfaat kepada rakyat negeri Selangor. Inilah akibatnya jika kita hanya pandai menuding jari dan mempertikaikan apa yang dilakukan oleh orang lain.

Justeru penulis berharap, rakyat akan menilai apa yang dilakukan oleh Azmin. Pembentangan bajet oleh Menteri Besar Selangor itu membuktikan Pakatan Harapan yang bercita-cita memerintah negara tidaklah sehebat mana.

Hakikatnya, bajet negeri Selangor bukan sahaja 'gula-gula' bagi meraih sokongan politik tetapi lebih pada bagaikan 'tin kosong, bunyinya kuat, isinya tiada'.

DATUK ZEIN ISMA ISMAIL ialah Ketua Penerangan UMNO Selangor.

Powered by: isentia

Headline	Azmin Ali jangan main tarik tali isu splash		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,905
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,716

Azmin Ali jangan main tarik tali isu Splash

SHAH ALAM 8 Nov. - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali digesa tidak 'bermain tarik tali' di sebalik harga tawaran sebenar kerajaan negeri untuk mengambil alih ekuti Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn. Bhd. (Splash).

Datuk Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang) berkata, beliau kesal dengan sikap Mohamed Azmin yang menyalahkan Kerajaan Persekutuan kononnya tidak mengemukakan harga penilaian pengambilalihan tersebut.

Sedangkan jelas Sulaiman, dari segi tatakelola pengurusan ekuiti, Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak perlu mengemukakan penilaian harga pengambilalihan Splash kepada kerajaan negeri.

"Yang bertanggungjawab mengambil alih Splash ialah kerajaan negeri dan mereka sepatutnya mengemukakan harga tawaran akhir kepada Kerajaan Pusat supaya tidak memberi kesan kepada tarif air.

SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

"Malah pengambilalihan ekuiti Splash itu akan dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)," katanya kepada pemberita di Lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Terdahulu, semasa perbahasan DUN Selangor hari ini, Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa) mengumumkan penangguhan pengambilalihan Spalsh sehingga 4 Julai 2018 kononnya atas permintaan Kerajaan Persekutuan.

Menurut Menteri Besar, penangguhan dibuat selepas kerajaan negeri gagal mendapatkan harga penilaian pengambilalihan Splash daripada Kerajaan Pusat seperti yang dicadangkan oleh jurunilai bebas, Deloitte.

Bagaimanapun, ia bercanggah dengan kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Zaini Ujang pada 21 Ogos lalu yang menegaskan usaha pengstrukturan bekalan air Selangor akan tertangguh selagi kerajaan negeri tidak mengemukakan sebut harga untuk proses perolehan Splash.

Powered by: isentia

Headline	Selangor didakwa beri maklumat palsu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,370

Selangor didakwa beri maklumat palsu

SHAH ALAM 8 Nov. - Ketelusan Kerajan PKR Selangor terus dipertikaikan apabila didakwa memberi maklumat palsu kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor berhubung senarai penerima milikan tanah di negeri ini.

Datuk Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang) mendakwa perkara itu dikesan setelah beliau meneliti jawapan bertulis yang diperolehnya mengenai senarai 175 orang penerima Borang 5A di Kampung Sungai Yu, Tanjung Karang.

SULAIMAN

Dakwanya jawapan Kerajaan PKR Selangor itu amat meragukan kerana semakan yang dibuatnya dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati 18 senarai nama penerima tidak sama dengan nombor kad pengenalan yang didaftarkan.

"Daripada 18 senarai nama itu, ada di antara mereka kita dapati nama dan nombor kad pengenalan tidak sama dan dipalsukan. Ada antara mereka yang saya kenal.

"Jika diikutkan, kriteria pemberian tanah oleh kerajaan negeri, pemohon perlu berpendapatan RM2,000. Namun ada yang dapat tanah itu bekerja sebagai doktor, guru dan pegawai kerajaan," katanya kepada pemberita di Lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Pada masa sama, Sulaiman turut mempersoalkan bagaimana sembilan individu dalam satu keluarga menerima kelulusan tanah serta Borang 5A di kawasan yang terletak di dalam DUN diwakilinya.

Dalam perkembangan lain, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan (BN-Batang Kali) pula mempertikaikan tindakan kerajaan negeri mengeluarkan ralat dalam buku Anggaran Hasil Negeri Selangor 2018.

Katanya, notis ralat itu diletakkan ke atas meja ADUN sebelum sidang dewan bermula pada pukul 10 pagi semalam.

Katanya, notis ralat itu jelas menunjukkan kecuaian kerajaan negeri dalam menyediakan dokumen penting membabitkan perbelanjaan kerajaan negeri termasuk peruntukan Sistem Maklumat dan Rekod-Rekod Jalan Raya (Marris) daripada Kerajaan Persekutuan.

"Apakah ralat ini dibuat selepas kita wakil rakyat BN (Barisan Nasional) bangkitkan semalam iaitu mengapa kerajaan negeri tidak mengisytiharkan penerimaan Marris berjumlah RM2.9 bilion dalam tempoh enam tahun sebelum ini.

Powered by: isentia

Headline	Tiada idea baharu jana pendapatan - Budiman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,886
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,657

Tiada idea baharu jana pendapatan – Budiman

SHAH ALAM 8 Nov. - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dianggap tidak berupaya untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negeri apabila Selangor terpaksa bergantung kepada premium tanah sebagai hasil utama.

Budiman Mohd. Zohdi (BN-Sungai Panjang) berkata, langkah Mohamed Azmin bergantung kepada hasil itu akan menyebabkan Selangor tidak lagi mampu menjana pendapatannya dalam jangka masa panjang akibat sumber tanahnya yang terhad.

"Apakah kerajaan negeri khususnya Menteri Besar ketandusan idea untuk mencari sumber-sumber pendapatan baharu di Selangor," katanya di Lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Mohamed Azmin semasa membentangkan Bajet Selangor 2018 mengumumkan 48.3 peratus pendapatan negeri pada 2018 adalah daripada premium tanah manakala 23.3 peratus disumbangkan oleh cukai tanah.

BUDIMAN

Beliau yang juga Timbalan Presiden PKR menjelaskan, kutipan hasil cukai tanah sehingga 31 Oktober 2017 adalah sebanyak RM523.08 juta dan trend itu dijangka berterusan sehingga tahun 2018 dengan kutipan dianggarkan berjumlah RM524.5 juta.

Dalam pada itu Budiman memberitahu, jika kepemimpinan Barisan Nasional (BN) terdahulu hanya bergantung kepada cukai tanah semata-mata seperti Mohamed Azmin, Selangor tidak akan berubah menjadi maju.

"Dalam suasana ekonomi yang semakin kompleks ketika ini, langkah kerajaan negeri menentukan hasil pendapatan negeri dilihat masih terkebelakang apabila terpaksa bergantung harap kepada urus niaga tanah," katanya.

Powered by: isentia

Headline	Periksa terperinci sistem longkang, perparitan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	11	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	124 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,885
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,655

Kuala Lumpur

Periksa terperinci sistem longkang, perparitan

Pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu melakukan pemeriksaan secara menyeluruh dan terperinci ke atas sistem longkang dan perparitan di kawasan mereka dengan menyediakan dana mencukupi untuk menambah baik dan menyelenggara keseluruhan rangkaian sistem berkenaan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye dalam satu kenyataan berkata, banyak di antara sistem perparitan di Lembah Klang dan kawasan bandar lain didapati berusia dan perlu dipertingkat supaya dapat mengalirkan air dengan pantas ke sungai dan takungan apabila hujan.

"Banjir kilat turut berlaku di Kuala Lumpur sehingga menyebabkan kesesakan di beberapa jalan utama termasuk di Lebuhraya Persekutuan berhampiran susur keluar ke Lebuhraya Kerinchi Link dan Pantai Dalam.

"Dalam hal ini, PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga harus mengambil langkah tegas dalam memastikan tapak pembinaan di dalam kawasannya dijaga dengan baik serta mematuhi undang-undang," katanya mengulas mengenai kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan Klang dan Shah Alam, kelmarin.

Beliau berkata, semua PBT juga perlu bertindak tegas terhadap pemaju dan kontraktor yang mana projek sedemikian diluluskan oleh PBT sendiri.

"Dengan adanya kerjasama bersama JPS, mereka juga perlu memeriksa longkang dan kolam takungan berhampiran tapak pembinaan supaya berada dalam keadaan baik dan tidak tersumbat dengan sampah dan kelodak.

"Tindakan undang-undang perlu diambil jika mereka gagal memastikan kebersihan longkang di kawasan masing-masing," katanya.

Powered by: isentia

Headline	Azab 15 minit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	23	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	288 cm²
Journalist	Mohd Azam Shah Dan Nurul Hidayah	AdValue	RM 11,345
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,036

Azab 15 minit

Pembantu penguat kuasa disembur cecair pelik

Mohd Azam Shah dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Serdang

"Saya terus sesak nafas, loya dan mahu muntah sejurus disembur dengan cecair pelik," ujar pembantu penguat kuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Nor Safuan Nordin, 31.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari kelmarin, dia diserang sepasang suami isteri ketika menjalankan tugas mengunci tayar kenderaan yang tidak mematuhi peraturan di Jalan Puteri Puchong, Bandar Puteri Puchong, di sini.

Kejadian menyebabkan Nor Safuan mengalami mata pedih dan pandangan menjadi kabur.

Bagaimanapun, dia bernasib baik kerana semburan cecair itu tidak tepat mengenai matanya berikutan dia memakai cermin mata gelap.

"Sebelum ini, saya pernah dikasari seorang pelawak popular dan diugut seorang wanita menggunakan pengunci stereng kereta di dua lokasi berasingan.

"Kali ini saya diserang hingga mata hampir buta," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, semalam.

Menceritakan kejadian itu, Nor Safuan berkata, dia mengunci tayar kereta model Honda City berwarna putih yang melakukan kesalahan tidak meletakkan kereta di tempat sepatutnya.

Katanya, ketika kali kedua datang melihat kereta itu, muncul seorang lelaki dan seorang perempuan yang mempertikaikan tindakannya mengunci tayar kereta.

"Lelaki itu meninggikan suara kepada saya dan meminta membuka semula kunci berkenaan. Namun saya memaklumkan dia perlu membayar denda RM80 untuk membuka kunci itu.

"Namun dia menjerit memaklumkan tidak akan membayar denda dengan alasan hanya meletak kenderaan dalam tempoh singkat.

"Lelaki itu kemudian menyembur cecair secara mendadak menyebabkan mata terasa pedih dan sukar bernafas.

"Masa itu saya terkejut dan terus menekup muka kerana seluruh muka terasa panas selain kesukaran bernafas menyebabkan saya lari masuk ke dalam van.

"Sebelum masuk ke dalam van, saya sempat maklumkan bahawa kereta itu akan ditunda di depoh simpanan kereta kerana keengganan membayar duit denda itu," katanya.

Menurut Nor Safuan, 'azab' berkenaan dialami hampir 15 minit sebelum dia dan rakan membuat laporan polis pada jam 1 tengah hari pada hari sama sebaik kereta pasangan berkenaan ditunda.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner Megat Mohamad Aminuddin Megat Alias berkata, pihaknya mengesan pasangan itu untuk siasatan lanjut.

"Kedua-dua suspek diminta tampil menyerah diri di balai polis untuk siasatan lanjut," katanya.

> **"Kedua-dua suspek diminta tampil menyerah diri di balai polis"**
> **Megat Mohamad Aminuddin Megat Alias**

Powered by: isentia

Headline	MPAJ pecat empat kakitangan rasuah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	44	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	397 cm²
Journalist	Siti Fatimah Nasir	AdValue	RM 15,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,918

MPAJ pecat empat kakitangan rasuah

■ *Unit integriti turut laksana hukuman tatatertib kepada 15 staf*

FOTO: AMIRUDIN SAHIB

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

Ampang

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), akan mempertingkatkan aspek kawalan dengan melaksanakan kaedah pertukaran kakitangan dan pegawai sebagai langkah menyahut serta merealisasikan objektif Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Yang Dipertuanya, Abdul Hamid Hussain berkata, sebelum IBR dilaksana, MPAJ melaksanakan kawalan berbentuk ikrar integriti korporat, penubuhan unit integriti, kawalan audit dalaman dan audit kawalan perolehan yang dijalankan Audit Negeri Selangor.

"Selepas penubuhan unit integriti pada tahun 2016 dan 2017, empat kakitangan MPAJ diambil tindakan buang kerja, manakala 15 kakitangan dikenakan hukuman tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib MPAJ.

"Berdasarkan kes terbaru, dua kakitangan MPAJ ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana didapati menyalahgunakan kuasa yang diberi," katanya ketika ditemui pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah Peringkat MPAJ di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, dengan tangkapan dan tahanan berkenaan diharap dapat memberi peringatan kepada kakitangan yang melakukan rasuah supaya mengambil iktibar untuk tidak meneruskan perbuatan itu.

WAN Ramli (dua dari kanan) bersama 850 kakitangan MPAJ membaca Ikrar Bebas Rasuah, semalam.

"Dalam perkara ini, kita kadangkala tidak dapat menyemak 100 peratus perbuatan yang dilakukan mereka kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada kakitangan bawahan untuk memikul tugas serta tanggungjawab diberi.

"Kita akan pastikan kakitangan mengikut peraturan dan prosedur ditetapkan dengan mempergiatkan pemantauan serta kawalan seperti ISO, audit bagi membendung mereka daripada melakukan amalan rasuah serta salah guna kuasa," katanya.

FAKTA
Lima lagi PBT di Selangor belum lafaz IBR

Hadir sama, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah, Timbalan Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM, Sumathi Padavadah, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari dan Unit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor.

Sementara itu, Wan Ramli berkata, kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa membabitkan PBT di Selangor masih berada dalam keadaan terkawal.

"Setakat ini, enam PBT di Selangor sudah menandatangani IBR bersama SPRM di mana baki lima lagi PBT diharap dapat melakukan ikrar berkenaan sebelum hujung tahun ini.

"Selain itu, organisasi di negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi sudah melafazkan ikrar IBR berbanding negeri lain," katanya.

Mengulas lanjut, SPRM masih belum mendapat kata putus daripada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk menandatangani IBR.

"Kita sudah menerima reaksi positif daripada kerajaan negeri Selangor. Hanya tunggu maklum balas daripada Menteri Besar dalam menandatangani IBR yang dijangka dilakukan selewat-lewatnya hujung tahun ini," katanya.

Pada majlis itu, seramai 850 kakitangan MPAJ diketuai Yang Dipertuanya melafazkan IBR dengan disaksikan Wan Ramli.

Powered by: isentia

Headline	220 keluarga bakal hilang kediaman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	81 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,179
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,537

DUN SELANGOR

Shah Alam

220 keluarga bakal hilang kediaman

Sebanyak 220 keluarga tinggal di Pangsapuri Mutiara di Sungai Jelok, Semenyih didakwa bakal hilang kediaman akibat dirampas kerana gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah.

Perkara itu dibangkitkan Datuk Johan Abdul Aziz (BN-Semenyih) selepas beliau menerima aduan daripada penduduk yang kecewa dengan keengganan Kerajaan Selangor untuk berunding berkenaan isu terbabit.

"Notis rampasan dikeluarkan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 2014. Tindakan rampasan dianggap zalim kerana tidak mengambil kira isu sebenar yang berlaku di sebalik tunggakan cukai tanah.

"Berdasarkan aduan, isu ini berlaku disebabkan kelemahan pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri ini.

"Kita dapati mereka membuat bayaran cukai tanah kepada JMB. Bagaimanapun, JMB tidak menjelaskan bayaran ini kepada pejabat tanah," katanya dalam sidang media di Lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Powered by: isentia

Headline	BN gesa henti jemput Tun Dr Mahathir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	63 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,482
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,445

Shah Alam

BN gesa henti jemput Tun Dr Mahathir

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) menggesa Kerajaan Selangor berhenti menjemput Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sebarang program rasmi anjuran negeri atau parti.

Ia susulan kenyataan dikeluarkan Dewan Diraja Selangor, baru-baru ini bahawa Sultan Sharafuddin Idris Shah murka dengan ucapan mantan Perdana Menteri itu yang melabelkan masyarakat Bugis sebagai lanun.

Datuk Abdul Shukur Idrus (BN-Kuang) berkata, Kerajaan Selangor sepatutnya senada dengan Istana Selangor berhubung isu berkenaan, bukannya bersikap tidak acuh terhadap tindakan bekas Perdana Menteri itu.

"Dewan Diraja memaklumkan Sultan Selangor menganggap ucapan itu amat keterlaluan hingga boleh mencetuskan huru-hara," katanya.

Powered by: isentia

Headline	LRA Semenyih Dua beroperasi Disember		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	70 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,273

Shah Alam

LRA Semenyih Dua beroperasi Disember

Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih Dua dijangka beroperasi Disember ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, sehingga 30 September lalu status perkembangan projek sudah 87 peratus siap.

Katanya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menjalankan kerja pengaktifan elektrik dan selesai bulan ini.

"Kita optimis ia akan siap mengikut jadual seterusnya mencapai sasaran penghasilan 100 juta liter sehari dapat direalisasikan," katanya ketika menjawab pertanyaan Ir Mohd Haslin Hassan (PAS-Tanjung Sepat) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Mengulas lanjut, Zaidy (PAS-Taman Templer) berkata, status projek LRA Labohan Dagang setakat ini berjalan lancar dan dijangka siap sebelum Disember 2018.

Beliau berkata, LRA Semenyih Dua membabitkan tiga lot persendirian sementara 100 lot lagi bagi LRA Labohan Dagang.

Powered by: isentia

Headline	`Jodoh setakat ini saja`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	61	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,585
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,755

"Kontrak saya bersama Selangor sudah berakhir dan kini saya adalah ejen bebas
Andik Vermansyah

HARIAN METRO

'Jodoh setakat ini saja'

KONTRAK Andik bersama Selangor sudah berakhir.

'Messi Indonesia' sedia timbang tawaran pasukan lain

Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pemain sayap lincah Selangor, Andik Vermansyah hampir pasti meninggalkan pasukan itu musim depan apabila tidak menerima kontrak baru daripada Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) selepas kontrak sedia adanya berakhir bulan ini.

Namun, pemain yang digelar 'Messi Indonesia' itu mengakui dia masih lagi mahu terus beraksi di Liga Malaysia (Liga M) sekali gus menyatakan kesediaan untuk mempertimbangkan tawaran daripada mana-mana pasukan yang mahukan khidmatnya musim depan.

"Ya, kontrak saya bersama Selangor sudah berakhir dan kini saya adalah ejen bebas. FAS belum lagi menghubungi saya untuk menawarkan kontrak baru jadi saya rasa mungkin setakat ini saja jodoh bersama pasukan Selangor.

"Berkemungkinan FAS ada perancangan lain dan tidak lagi mahu menggunakan khidmat saya pada musim akan datang.

"Bagi saya, isu tidak ditawarkan kontrak perkara biasa dalam dunia bola sepak profesional dan saya menerima jika itu yang berlaku.

"Namun, pulang ke Indonesia bukanlah pilihan utama saya buat masa ini kerana saya mahu terus beraksi di negara ini pada musim akan datang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada masa sama, bekas pemain Persebaya Surabaya itu menjelaskan beberapa pasukan sudah 'merisik' dan menyatakan minat terhadap khidmatnya dalam usaha memperkuatkan pasukan masing-masing bagi menghadapi musim baru.

"Ada beberapa pasukan sudah bertanya mengenai situasi saya namun belum ada lagi pasukan yang menunjukkan minat mereka dengan serius. Justeru, saya masih menunggu tawaran rasmi sebelum boleh mula membuat pertimbangan.

"Buat masa ini, saya tidak mahu mendedahkan pasukan yang berminat. Apa pun, saya yakin mereka akan datang dengan tawaran begitu memuaskan sekali gus membolehkan impian saya untuk terus kekal beraksi di sini tercapai," katanya.

Pemain kelahiran Jember itu mula menyertai Red Giants pada 2013 dan sepanjang empat musim menyarung jersi skuad Gergasi Merah itu, Andik berjaya membantu pasukan itu melengkapkan Misi 33 dengan merangkul Piala Malaysia 2015.

Powered by: isentia

Headline	LEBIH BAIK DARI BR1M		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	192 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,275
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,825

Powered by: isentia

Headline	Kiss terima maklum balas positif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	15	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	157 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,678
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,034

Kiss terima maklum balas positif

SHAH ALAM - Kaum ibu luah kelegaan selepas golongan tersebut turut diberikan habuan melalui Skim Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) dalam Bajet Selangor 2018, baru-baru ini.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM72 juta bagi program tersebut dengan anggaran 30,000 ibu dijangka menerima manfaat RM2,400 setahun atau RM200 setiap bulan.

Seorang suri rumah, Noor Zarazella Abu Bakar, 27, berkata, peruntukan itu bersesuaian dengan keadaan kos sara hidup dan kenaikan harga barang.

Menurutnya, program itu relevan kerana masih ramai keluarga berpendapatan di bawah RM2,000 di Selangor.

"Kalau pergi pinggir bandar memang akan jumpa kumpulan ini yang sangat menghargai bantuan bulanan ini bagi meringankan kos belanja barang dapur.

NOR FAEZAH

NOOR ZARAZELLA

"Cuma harap program itu dipantau dan pastikan ia sampai ke golongan sasar dan menyeluruh ke seluruh Selangor," katanya.

Katanya, dia juga berharap program itu berterusan dan kadarnya ditingkatkan setiap tahun.

Ibu kepada tiga anak, Nor Faezah Abd Aziz, 38, berkata, kebanyakan isteri masih bekerja bagi mengurus kewangan keluarga.

"Pendapatan suami sahaja tak cukup sebab banyak komitmen menyebabkan ramai isteri memilih untuk bekerja.

"Usaha kerajaan negeri itu sangat baik dan sangat menyokongnya, namun berharap syarat kelayakan itu dilonggarkan supaya manfaatnya turut dirasai oleh kaum ibu lain," katanya.

Powered by: isentia

Headline	3,900 anak pokok bakal hijaukan landskap Shah Alam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	15	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	257 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,151

3,900 anak pokok bakal hijaukan landskap Shah Alam

Christopher Ong dan V Papparaidu bergambar ketika hadir ke program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life'.

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bersama pihak DHL Malaysia telah bekerjasama menganjurkan program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life' dengan melakukan penanaman sebanyak 3,900 anak pokok di Taman Rekreasi Tasik Seksyen 7.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 13 merangkap Ahli Majlis MBSA, V Papparaidu berkata, program berkenaan merupakan salah satu inisiatif MBSA bagi menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam.

"Program kali ini, DHL Malaysia telah menyumbang sebanyak RM60,000 untuk program penanaman pokok di mana kira-kira 3,900 anak pokok pelbagai spesies ditanam.

"DHL Malaysia juga merupakan syarikat pertama yang bekerjasama dengan MBSA untuk program seperti ini sejak 2010," katanya kepada pemberita ketika program berkenaan.

Seramai 600 orang terlibat dalam program berkenaan di mana ia terdiri daripada 331 warga kerja DHL Malaysia, warga kerja MBSA, badan bukan kerajaan (NGO) Eco-Warrior serta sukarelawan dari UiTM dan Unisel.

Antara jenis pokok yang ditanam adalah 400 pokok yang terdiri daripada pokok cempaka, *bucida molineti*, *cassia fistula*, kundang, rambutan dan melinjau selain 3,500 pokok renek seperti *cordyline*, akalifa merah, *pissonia alba* dan *bougainvillea Mrs Eva*.

Sementara itu, Pengarah Urusan DHL Express Malaysia Brunei, Christopher Ong berkata, pihaknya berbesar hati untuk bekerjasama dengan MBSA dalam program yang menjurus kepada perubahan kebaikan.

"Di DHL, kami memahami impak signifikan yang boleh diterapkan kepada masyarakat melalui program yang melindungi alam sekitar.

"Justeru, sebagai acara tahunan sempena *Global Volunteer Day*, kami berazam untuk menanam satu juta pokok setiap tahun di seluruh Malaysia," katanya.

Powered by: isentia

Headline	Nafi peruntukan SSDU RM59 juta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	16	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,712
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,137

Nafi peruntukan SSDU RM59 juta

SHAH ALAM - Kerajaan negeri menafikan peruntukan belanjawan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) berjumlah RM59 juta sebaliknya jumlah keseluruhan berjumlah RM53.6 juta.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, jumlah itu diberikan bermula pada 2016 sehingga 2017.

"Pada 2016, RM10 juta diperuntukkan untuk pembangunan Smart Selangor Blueprint termasuklah bengkel kajian dan maklum balas, survei membabitkan lebih 10,000 rakyat, konsultasi dengan pakar dan pembikinan Blueprint.

"Untuk 2017 pula, sebanyak RM22 juta diperuntukkan melibatkan Smart App Development Platform (SADP), Smart Selangor Command Centre, Wifi Percuma Smart Selangor dan Demonstrasi 'Internet of Things' (IOT)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Negeri Selangor 2018 bagi menjawab soalan yang dibangkitkan Adun Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Bagi 2018, kerajaan negeri memperuntukkan RM21.6 juta seperti diumumkan pada pembentangan belanjawan untuk Pembangunan Infrastruktur Digital, Public Citizen Partnership (PCP), Projek Perhentian Bas Pintar, Pembangunan Epicentre dan Accelerator, serta Pembangunan Silibus IOT bersama industri.

Powered by: isentia

Headline	LRA Semenyih 2 dijangka beroperasi Disember ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	16	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,215

LRA Semenyih 2 dijangka beroperasi Disember ini

SHAH ALAM - Projek Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada Disember ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, bagi projek LRA Labohan Dagang pula, ia dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2018.

"Bagi projek LRA Semenyih 2, status perkembangan projek sehingga 30 September lalu sudah mencapai tahap 87 peratus siap dan pelan tenaga elektrik akan mula diaktifkan pertengahan November.

"Kita optimis perkembangan projek ini mengikut jadual perancangan sebelumnya bagi mencapai sasaran penghasilan 100 juta liter air sehari.

"Manakala bagi status projek LRA Labohan Dagang pula, setakat ini kerja di tapak berjalan lancar sekitar 12 peratus sehingga 24 Oktober lalu," katanya dalam Sidang Dewan Negeri Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan yang dikemukakan Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan.

ZAIDY

Menurutnya, dalam kedua-dua projek berkenaan, projek LRA Semenyih 2 akan melibatkan tiga lot tanah milik persendirian sementara bagi LRA Labohan Dagang pula melibatkan 100 lot persendirian.

